

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25

Pelaburan besar digital bakal diumumkan

Pelaburan besar digital bakal diumumkan

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata akan ada pengumuman mengenai pelaburan besar berkenaan bidang digital di Malaysia pada masa terdekat.

“Bukan sahaja pengumuman itu berita baik kepada ekonomi negara, tetapi ia perlu disambut dan dijadikan sebagai satu pemangkin untuk kita mempercepatkan segala perancangan yang ada dalam rangka tindakan ekonomi digital negara,” katanya pada perjumpaan bulanan bersama warga kementerian, di Putrajaya, semalam.

Rafizi berkata selain itu, kementerian akan menganjurkan ‘hackathon’ kebangsaan pada bulan depan sebagai sebahagian daripada usaha kementerian itu untuk mengarusk pertama inovasi membabitkan sebanyak mungkin penyertaan.

“Ini berikutan sebelum ini, inovasi dilihat sebagai satu bahagian kecil, untuk orang tertentu sahaja.

“Sedangkan untuk ekonomi kita berkembang maju, kita perlu satu kumpulan yang boleh menyumbang dalam produk dan perkhidmatan yang berinovasi tinggi, baru boleh disambut baik oleh segala bantuan dan sistem yang telah kita ada dalam sektor awam dan swasta,” katanya.

Rafizi
Ramli

